



POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Km 10, Jalan Kong Kong
81700 Pasir Gudang
JOHOR, MALAYSIA



Tel : 07-2612488
Faks : 07-2612402
Laman Web : www.pis.edu.my
Facebook : [politeknik.edu](https://www.facebook.com/politeknik.edu)

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: PIS/PENT/KKP/5 Jld.2(472)
Tarikh: 16 Jun 2022

Semua Penghuni,
Kolej Kediaman Pelajar,
Politeknik Ibrahim Sultan.

Saudara/saudari,

**ARAHAN PENGOSONGAN BILIK REKREASI DI BLOK-BLOK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR,
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada pekara di atas.

2. Berdasarkan hasil perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Bayaran dan Tuntutan (JKPBT) Asrama PFI, Politeknik Ibrahim Sultan Bil. 6/2022 yang diadakan pada 14/06/2022, mesyuarat bersetuju supaya barang-barang pelajar yang ditinggalkan sementara dalam Bilik Rekreasi di Blok Kolej Kediaman dikeluarkan oleh pelajar memandangkan ruangan tersebut ingin dikosongkan bagi persediaan kemasukan pelajar semester sesi 1 2022/2023.
3. Sehubungan dengan itu, pelajar dikehendaki mengambil barang-barang yang ditinggalkan dalam bilik tersebut dan tempoh pengosongan bilik diberikan selama satu (1) bulan bermula dari 19/06/2022 hingga 18/07/2022.
4. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian selepas daripada tarikh yang ditetapkan, pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar berhak melupuskan dan tiada sebarang tuntutan yang boleh diambil oleh pihak pelajar.
5. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus ke Kaunter Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman atau menghubungi pejabat di talian 07-2612800.
6. Kerjasama dan perhatian semua pelajar berhubung pekara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ABU BAKAR BIN ABD HAMID)

Ketua Jabatan,
Hal Ehwal Pelajar,
Politeknik Ibrahim Sultan.